

Headline	Siap dalam tempoh tiga bulan		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	02 Mar 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	41	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	275 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,926
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,779



Siap dalam tempoh tiga bulan

31 pemohon terima sijil kelayakan RMR1M, dijangka miliki kediaman sendiri sebelum Aidilfitri

MERSING - Seramai 31 pemohon dari daerah ini menerima sijil kelayakan subsidi bagi program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) di sini, semalam.

Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Datuk Abd Latif Ahmad berkata, pihaknya berkongsi rasa gembira dengan penerima yang berhasrat untuk memiliki rumah sendiri.

"Saya begitu gembira kerana dapat memenuhi hasrat tuan-tuan dan puan-puan untuk memiliki rumah sendiri. Alhamdulillah.

"Tempoh siap dijangka tiga bulan jadi saya berharap rumah ini dapat disiapkan sebelum raya (Aidilfitri) supaya orang Mersing yang terima sijil ini dapat masuk ru-

mah baharu pada hari raya nanti," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Sijil Kelayakan Subsidi dan Inden Kerja RMR1M peringkat Parlimen Mersing, di Kampung Sri Lalang Laut, semalam.

Abd Latif yang juga Ahli Parlimen Mersing berkata, sehingga kini di Mersing sahaja sebanyak 178 unit RMR1M telah siap dibina manakala 45 unit lagi dalam peringkat pembinaan dan 13 unit sedang proses menandatangani dokumen perjanjian.

"Kita bina rumah mampu bayar berharga RM65,000 dan kerajaan beri subsidi di RM20,000. Jadi, apabila

siap nanti, sudah dapat kunci, barulah pemohon bayar RM270 sebulan untuk 25 tahun.

"Rumah Mesra Rakyat ini kita bina di seluruh Malaysia spesifikasinya sama - rumah bersaiz 1,000 kaki persegi dengan tiga bilik dan dua bilik air," katanya.

Menurutnya, kerajaan mengeluarkan subsidi sebanyak RM600 juta setakat ini bagi menampung pembinaan 30,000 unit RMR1M di seluruh negara.

"Sejak 2009 di seluruh Malaysia, 30,000 unit sudah dibina dan kerajaan mengeluarkan subsidi sebanyak RM600 juta bagi menampung subsidi RM20,000 seunit.

"Semua ini rakyat terima ketika Ahli Parlimen Pekan menjadi Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak)," katanya.



Abd Latif (empat, kanan) menyampaikan sijil kelayakan bagi rumah RMR1M kepada seorang penerima.